

Program 'pantai angkat' bantu pulihara keindahan Tanjung Bidara

Mohamad Fazrul Abdul Majid

TANJUNG BIDARA - Pantai di Tanjung Bidara dicadangkan untuk dijadikan 'pantai angkat' oleh institusi pengajian tinggi (IPT) sekitar Masjid Tanah.

Exco Kanan Pelaburan, Perindustrian, Pembangunan Usahawan dan Koperasi negeri Datuk Seri Ab Rauf Yusoh berkata, idea itu bertujuan untuk memastikan kebersihan pantai peranginan di kawasan berkenaan dijaga sebaik mungkin dalam usaha mempekasakan lagi aktiviti pelancongan.

Beliau yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Tanjung Bidara ber-



AB Rauf ketika menyempurnakan pelepasan anak penyu karah di Pantai Padang Kemunting. Foto MR AZLI

kata, 10 IPT beroperasi sekitar Masjid Tanah yang akan dilantik untuk menjalankan aktiviti membersihkan pantai secara gotong-royong bagi

tempoh satu hingga tiga bulan sekali.

"Saya mencetuskan idea supaya di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bi-

dara ini diwujudkan pantai angkat membabitkan kerjasama daripada IPT. Kawasan tanggungjawab IPT ini adalah antara 500 meter hingga

satu kilometer.

"Sukarelawan IPT berkenaan akan memantau kebersihan pantai angkat masing-masing. Kita mahu kekalkan kebersihan agar Tanjung Bidara dikenali sebagai lokasi memiliki pantai peranginan terbaik di Negeri Melaka," katanya pada sidang media selepas merasmikan program DUN Tanjung Bidara Beach Clean Up di Pusat Konservasi dan Penerangan Penyu Padang Kemunting, di sini, 9 November lalu.

Hadir sama, Pengarah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) Negeri Melaka Yeow Chin Chai, Pengurus Besar Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka Sa'ari Basiron

dan Timbalan Pengarah Jabatan Perikanan Negeri Melaka Nawar Abd Karim.

Pada majlis itu, Ab Rauf turut menyempurnakan pelepasan 300 ekor anak penyu karah di pantai berkenaan yang juga antara usaha memulihara spesies marin berkenaan.

Ab Rauf berkata, hasil program kesukarelawanan dan pembersihan dijalankan secara berkala, kadar pendaratan penyu karah untuk bertelur di Pantai Padang Kemunting menunjukkan peningkatan tahun ini.

Menurutnya, jumlah pendaratan penyu pada kebiasaannya meningkat pada bulan April dan November setiap tahun.